



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

18 JANUARI 2021


1. Kerani bank hero 13 ekor si bulus
2. Zalim sangat baling kucing

DISEDIAKAN OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT
BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK DAN PENILAIAN VETERINAR
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**



KEADAAN rumah Mohd Amiruddin yang ditenggelami banjir.



MOHD Amiruddin memanjat pokok untuk menyelamatkan kucing kerika banjir tujuh tahun lalu.

Kuala Lumpur: Meskipun bukan pencinta kucing namun rasa tanggungjawab dan simpati dengan nasib haiwan itu mendorong bapa dua anak, Mohd Amiruddin Mohamad Yusof menyelamatkan 13 ekor si bulus daripada lemas dihanyutkan banjir.

Mohd Amiruddin, 37, berkata, tindakan itu dilakukan selepas rumah ibunya, Zailan Abdullah, 62, di Kampung Paloh Hinai, Pekan, Pahang dinaiiki air akibat banjir pada 5 Januari lalu.

Menyedari kucing itu dalam keadaan ketakutan, Mohd Amiruddin terus

Kerani bank hero 13 ekor si bulus



MOHD Amiruddin

menyelamatkan haiwan itu dengan membawanya masuk ke dalam bot.

"Ketika itu, air sudah memenuhi lantai yakni berada pada paras paha dan saya lihat kucing berkenaan sudah naik ke bumbung serta palang rumah untuk berlindung.

"Jadi, saya terpaksa mengumpamakan makanan untuk keluar daripada tempat berlindung dan persembunyiannya.

"Alhamdulillah, semua kucing itu berjaya diselamatkan dan dibawa ke tempat berhampiran pusat pemindahan supaya senang dipantau serta diberi makan," katanya ketika dihubungi Harian Metro.

Kerani bank yang menetap di Muadzam Shah, Pahang itu berkata, misi menyelamat itu dilakukan sendiri ketika sedang mengalihkan barang di dalam rumah.

"Sambil mengemas dan mengalihkan barang, saya turut menyelamatkan kucing.

"Tujuh

tahun lalu, saya pernah menyelamatkan kucing dengan memanjat pokok, tetapi tahun ini di

kawasan rumah saja. "Kucing itu bukan peliharaan emak cuma selalu datang ke rumah dan saya terkejut juga apabila kisah ini tular kerana sekadar berkongsi cerita di Facebook (Fb) saja, namun terima kasih kepada semua yang mendoaikan saya," katanya



KUCING diletakkan di dalam bot sebelum dibawa ke pusat pemindahan mangsa banjir.



TANGKAP layar rakaman video pemuda melemparkan kucing dari tempat tinggi.

Oleh Mohamad Fais
Jusoh
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Persatuan Haiwan Malaysia (Animal Malaysia) memohon kerjasama orang ramai menyuarakan maklumat berhubung tindakan sekumpulan pemuda melempar kucing seperti yang tular di laman sosial, kelmarin.

Menerusi video tular itu, seorang pemuda melempar kucing berkenaan dari lokasi tinggi yang tidak diketahui sambil dirakam dan diperhatikan beberapa rakannya.

Presiden Animal Malaysia Arie Dwi Andika berkata, kejadian dipercayai berlaku di negara ini kerana rakaman

Zalim sangat baling kucing

Animal Malaysia cari pemuda aniaya si bulus

itu ada memaparkan kereta Perodua MyVi di lokasi kejadian.

"Ia disyaki berlaku di sebuah ladang di Sarawak. Orang ramai yang mengelam wajah pelaku diharap dapat tampil membuat aduan kepada polis.

**“
ia disyaki
berlaku
di sebuah ladang
di Sarawak**

Arie Dwi

"Boleh juga salurkan maklumat ke talian what-

sapp MyAct Hot-

line 011-20901097

atau di laman

web animalma-

laysia.com," ka-

tanya dalam sa-

tu kenyataan, se-

malam.

Katanya, tindakan pemuda itu adalah satu ke-

salahan yang boleh menyebabkan kematian haiwan berkenaan dan ia menyalahi Akta Kebajikan Haiwan 2015.

"Masyarakat juga diingatkan supaya tidak menjadi haiwan seperti kucing sebagai bahan pembikinan video hiburan untuk dimuat naik di media sosial seperti TikTok kerana ia perbuatan yang zalim," katanya.